

Misi TOPI BULAT

PhD Research Journey

HARGAI DETIK PERJALANAN HIDUP SEBAGAI SEORANG PELAJAR

Lili Syahani Rusli

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

lilis369@uitm.edu.my

Alhamdulillah, masih dikurniakan rezeki kepada untuk saya menyambung pengajian ke peringkat ijazah kedoktoran selepas 16 tahun saya menamatkan pengajian di peringkat sarjana. Tidak dinafikan jauh di sudut hati telah ada niat untuk menyambung pengajian, namun komitmen terhadap kerjaya dan keluarga perlu diutamakan. Saya menjadi leka dengan kerja hakiki tanpa memikirkan hala tuju yang jelas di dalam kerjaya terutamanya untuk jangka masa yang panjang. Semestinya perancangan Allah itulah yang terbaik, Saya ditempatkan ke UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah pada tahun 2016. Pada mulanya saya mengalami kesukaran untuk menguruskan pelbagai perkara kerana saya terpaksa keluar daripada zon selesa saya. Tetapi kesukaran inilah yang membuka mata saya untuk mula merancang masa depan saya di dalam bidang akademik ini.

“Tiada jalan lain untuk terus maju di dalam kerjaya ini melainkan saya dapat menggenggam segulung ijazah tertinggi di peringkat akademia!”

- Lili Syahani



Penulis semasa menjalankan kajian di makmal

Walaupun agak terlewat, saya kerap berkata dengan diri sendiri bahawa saya mesti mencuba dan saya ingin bersara dengan sekurang-kurangnya gelaran “Dr.” di pangkal nama saya. Boleh dikatakan inilah motivasi utama semasa saya memohon tawaran biasiswa yang diiklankan. Syukur saya kehadiran Ilahi kerana mengurniakan kepada saya ahli keluarga yang sering memberi galakan kepada setiap impian saya. Tidak lupa juga kepada Ketua Jabatan yang menyokong permohonan saya serta rakan-rakan yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya. Alhamdulillah, proses permohonan tawaran biasiswa SLAB berjalan lancar, dan saya dapat memulakan pengajian saya pada Mac 2019.

Misi TOPI BULAT

PhD Research Journey


Perjalanan awal pengajian saya berjalan dengan lancar. Dengan status bertukar kepada pelajar, banyak perkara baru yang saya pelajari dan saya juga sangat bersemangat pada awalnya. Pemilihan penyelia utama, Prof. Dr. Normaniza Osman dilakukan kerana kepakaran beliau di dalam bidang fisiologi tumbuhan. Memandangkan beliau bekerjasama dengan penyarah lain di dalam geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS), saya juga mempunyai penyelia bersama dari jabatan berbeza iaitu Dr. Rosazlin Abdullah (bidang sains tanah) serta Dr. Jamilah Syafawati Yaacob (bidang bioteknologi). Di antara perkara yang memudahkan penyelidikan saya adalah penyelia utama saya memperuntukkan sebahagian besar bajet daripada geran FRGS yang diperolehi beliau bagi membiayai penyelidikan saya. Selain itu saya juga dapat fokus kerana saya rasa tenang apabila kembali dekat dengan sistem sokongan utama saya iaitu keluarga selepas beberapa tahun menjalani perkahwinan jarak jauh.

Saya cuba menggunakan kemahiran saya berkomunikasi untuk bergaul rapat dengan pelajar pascasiswazah, pelajar ijazah sarjana muda serta kakitangan-kakitangan daripada jabatan yang sama. Ini memudahkan urusan saya apabila ingin meminta bantuan terutama melibatkan bantuan tenaga dan kepakaran di dalam pengajian saya. Secara amnya, kajian saya melibatkan kajian terhadap pokok yang tumbuh di tanah cerun yang berasid selepas beberapa perubahan dilakukan kepada tanah. Kerja-kerja awal di rumah hijau melibatkan penggunaan banyak keringat dan tenaga, alhamdulillah, Allah temukan saya dengan ramai insan-insan yang banyak membantu saya pada peringkat ini. Saya percaya perancangan yang rapi dapat mengurangkan banyak risiko di kemudian hari. Namun, kita sebagai manusia hanya mampu merancang.

Di antara strategi saya di awal pengajian adalah memastikan saya betul-betul mengikuti *gantt chart* yang telah di rangka di awal pengajian.

Di antara cabaran awal yang saya hadapi ialah pokok yang di tanam pada awal nya tidak dapat di gunakan kerana pemilihan tanah yang tidak sesuai. Tempoh 3 bulan di rasakan hanya sia-sia. Namun, di rezekikan di kelilingi dengan rakan-rakan yang memberikan semangat, saya cepat bangun dari fasa kesedihan. Selain itu, seperti orang lain, saya juga terkesan akibat pandemik Covid-19.

Pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1 berlaku setahun selepas pengajian saya. Pada masa itu, saya hanya mempunyai sebahagian data untuk kajian saya. Pematuhan kepada SOP sepanjang tempoh pandemik ini amat melambatkan perkembangan pengajian saya. Pada ketika makmal telah dibuka semula untuk pelajar berkeperluan, aktiviti penyelidikan dilakukan dengan SOP yang ketat. Perancangan semula di atur memandangkan banyak kekangan seperti keberadaaan pelajar dan kakitangan di dalam makmal serta jadual penggiliran yang perlu dipatuhi.



Sesi perbincangan secara dalam talian oleh setiap pelajar siswazah yang dijalankan secara berkala oleh penyelia utama



Misi TOPI BULAT

PhD Research Journey

Saya sekali lagi di duga dengan masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan setelah hampir dua bulan tidak hadir ke makmal. Peti sejuk bersuhu -20°C telah rosak dan menjejaskan ekstrak tumbuhan yang telah siap. Namun, alhamdulillah, dengan mengambil nasihat semasa menghadiri kursus-kursus yang berkaitan sebelum melanjutkan pengajian, langkah berjaga-jaga telah di ambil dengan melakukan 'sample backup' di peti sejuk yang lain. Saya berpendapat sebagai seorang pelajar membuat backup adalah perkara yang penting kerana kita tidak dapat menjangkakan apa yang bakal berlaku. Walaupun ia akan mengambil masa, namun insyaallah ada kebaikannya kepada diri kita.

Sepanjang tempoh PKP 1, 2 dan 3 serta semasa Pelan pemulihan Negara (PPN), banyak masa di digunakan untuk aktiviti penulisan seperti menulis manuskrip dan tesis serta menghadiri pelbagai latihan yang berkaitan secara dalam talian. Satu manuskrip berindeks di dalam *Web of Science* (WoS) telah berjaya diterbitkan di dalam tempoh PKP ini. Selain itu, saya juga menghadiri konferensi anjuran *Malaysian Society of Plant Physiology* yang di adakan secara dalam talian menerusi aplikasi zoom. Sebagai seorang pelajar yang 'tidak berapa muda', penggunaan teknologi adalah salah satu cabaran hebat bagi saya. Apa yang boleh saya lakukan adalah dengan cuba sedaya upaya untuk mengadaptasi dengan norma baru ini.

"Kerana bagi saya setiap orang yang berhenti belajar adalah tua, manakala orang yang tetap belajar akan sentiasa muda."
- Lili Syahani

Apa yang boleh saya simpulkan setakat ini adalah, menyambung pengajian di peringkat ini mendidik saya untuk menganalisa sesuatu perkara daripada sudut berbeza, mengurus masa dengan lebih cekap dan yang paling penting menguruskan emosi. Setiap masalah adalah cabaran dan ia hadir di dalam hidup ini adalah untuk memberikan kita pengajaran dan pengalaman. Hargailah setiap detik sebagai seorang pelajar di usia dewasa ini. Di akhir penulisan ini saya ingin memohon kepada para pembaca agar mendoakan perjalanan mengejar misi topi bulat saya dipermudahkan.



Penulis membentangkan penemuan kajian di sesi konferensi yang dianjurkan secara dalam talian pada Disember 2020



Penulis (duduk pertama dari kiri) bersama penyelia dan rakan-rakan di dalam satu acara sosial sempena jamuan hari raya aidilfitri